



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL 6 / 2022**

PINDAHMILIK TANAH BERSTATUS TANAH RIZAB MELAYU KEPADA SYARIKAT DAN BADAN KORPORAT MENGIKUT KEHENDAK ENAKMEN RIZAB MELAYU (ERM) BAB 142

1. Tujuan

- 1.1 Arahan ini bertujuan memberikan panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di Negeri Sembilan berkaitan pindahmilik tanah berstatus Tanah Rizab Melayu.

2. Latar Belakang

- 2.1 Undang-Undang Tanah Rizab Melayu (ERM) diperkenalkan pada 1 Januari 1914 apabila Enakmen Rizab Melayu 1913 (ERM1913) dikuatkuasakan di negeri-negeri yang dahulunya dikenali dengan nama Negeri Melayu Bersekutu (NMB) iaitu Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Pahang. Enakmen ini telah dimansuhkan mulai daripada 15.12.1933 ini telah disemak dan digantikan dengan Enakmen Rizab Melayu (ERM) 1933. Pada tahun 1935, ERM ini telah disemak dan diterbitkan semula sebagai ERM (NMB Bab 142) dan digunakan hingga hari ini.

- 2.2 ERM digunapakai di Negeri Sembilan dengan kuasa untuk pengisytiharan terletak pada Menteri Besar dengan kelulusan Raja Dalam Mesyuarat (RDM) [Seksyen 3 (1) ERM (NMB 142)].
- 2.3 Setelah mengambil pandangan dan nasihat daripada Penasihat Undang-Undang Negeri, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan mengambil tindakan berhubung perkara ini.

3. Pelaksanaan

- 3.1 Bagi tujuan pindahmilik tanah, tiada keperluan untuk sesebuah badan korporat atau syarikat untuk disenaraikan di bawah Jadual Ketiga ERM. Pindahmilik tanah hanya boleh dilakukan kepada orang benar (*natural person*) atau syarikat yang menepati takrifan sebagai Melayu mengikut kehendak ERM.
- 3.2 Setiap permohonan kebenaran pindahmilik / pendaftaran dokumen pindahmilik bagi Tanah Rizab Melayu, Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah (PT) hendaklah menyemak dokumen dengan memastikan mana-mana syarikat atau badan korporat yang ingin membuat urusan pindahmilik Tanah Rizab Melayu hendaklah membawa bersama dokumen berkaitan yang mengandungi perkara-perkara berikut:

| Bil | Syarikat / Badan Korporat | Dokumen |
|-----|---------------------------------|---|
| 1 | Syarikat | i) Profail syarikat atau 'superform' terkini (dalam masa 3 bulan) yang telah diperakukan sah / certificate through copy (CTC) oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada setiap helaian muka surat. |

| | | |
|---|------------------------|--|
| | | <p>Pengarah dan pemegang syer hendaklah 100% Melayu. Sekiranya pemegang syer tersebut adalah sebuah syarikat, pemohon hendaklah memastikan pemegang syer tersebut adalah Melayu dan pemegang syer bagi individu juga hendaklah Melayu sahaja.</p> <p>ii) Setiap syarikat hendaklah mengemukakan dokumen Memorandum and Articles of Association berserta pindaan / Constitution (perlembagaan syarikat) terkini (dalam masa 3 bulan) yang telah diperakukan sah / certificate through copy (CTC) oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada setiap helaian muka surat. Syarikat yang didaftarkan pada atau selepas tahun 2017 adalah tidak diwajibkan di bawah Akta Syarikat untuk mewujudkan Constitution (perlembagaan syarikat). Walaubagaimanapun bagi tujuan berkaitan Tanah Rizab Melayu setiap syarikat dikehendaki mengemukakan perlembagaan syarikat.</p> <p>Dokumen-dokumen ini hendaklah mengandungi perkara-perkara berkaitan syarikat termasuklah kandungan berkenaan pindahmilik dan syer terhad kepada Melayu sahaja.</p> |
| 2 | Persatuan / Pertubuhan | <p>i) Undang-Undang Kecil yang telah diperakukan sah oleh Pendaftar Pertubuhan.</p> <p>Kandungan dokumen Undang-Undang Kecil ini hendaklah dinyatakan dengan jelas tentang keahlian terhad kepada Melayu sahaja dan bagi tujuan pindahmilik tanah juga terhad kepada Melayu sahaja.</p> |

| | | |
|---|----------|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> ii) Sijil Pendaftaran persatuan / pertubuhan yang telah diperakukan sah oleh Pendaftar Pertubuhan. iii) Minit Mesyuarat terkini yang telah diperakukan sah oleh Pendaftar Pertubuhan. iv) Senarai nama pengurusan tertinggi persatuan / pertubuhan yang telah diperakukan sah oleh Pendaftar Pertubuhan. v) Senarai nama ahli-ahli persatuan / pertubuhan yang telah diperakukan sah oleh Pendaftar Pertubuhan. |
| 3 | Koperasi | <ul style="list-style-type: none"> i) Undang-Undang Kecil yang telah diperakukan sah oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Kandungan dokumen Undang-Undang Kecil ini hendaklah dinyatakan dengan jelas tentang keahliannya terhadap kepada Melayu sahaja dan bagi tujuan pindahmilik tanah juga hanya terhadap kepada Melayu sahaja. ii) Sijil Pendaftaran Koperasi yang telah diperakukan sah oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. iii) Minit Mesyuarat yang telah diperakukan sah oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. iv) Senarai nama pengurusan tertinggi koperasi yang telah diperakukan sah oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia v) Senarai nama ahli-ahli koperasi yang telah diperakukan sah oleh Suruhajaya Koperasi Malaysia. |

3.3 Sekiranya **penerima pindahmilik** iaitu syarikat atau badan korporat tidak memenuhi perkara 3.2 maka PTG atau PT **tidak boleh** memproses permohonan yang dikemukakan. PTG atau PT berhak untuk menolak permohonan pindahmilik sekiranya pemohon tidak memenuhi kehendak perkara 3.2.

3.4 Arahan ini hendaklah dibaca bersama Arahan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan Bil. 5 / 2022.

4. Tarikh Kuatkuasa

4.1. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(DATO' HAJI ISHAK BIN MD NAPIS)

Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 23 Mac 2022

Rujukan : Bil (64) dlm. PTGNS.10/17 klt.3